

Vandalisme (Part 2)

Azizi bin Haji Yahaya

Selain itu, Utusan Malaysia (21 Mei 2007) pula memberitahu bahawa Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) harus menanggung kerugian lebih RM5 juta sepanjang tahun 2006 kerana terpaksa menggantikan dan membaiki pelbagai kemudahan awam yang rosak akibat aktiviti vandalisme. Datuk Bandar Kuala Lumpur, Datuk Ab.Hakim Borhan berkata pelaku vandalisme tidak pernah memikirkan bahawa perbuatan mereka itu banyak menyusahkan orang ramai dan DBKL terpaksa menanggung kerugian itu. Manakala dalam Berita Harian (14 Ogos 2007), Perdana Menteri kita Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi menyatakan bahawa pihak yang terbabit dalam vandalism serta cuai terhadap tanggungjawab menyelenggara aset dan fasiliti negara dikenakan hukuman lebih berat dalam usaha memupuk budaya penyelenggaraan di kalangan rakyat.

Kegiatan vandalisme boleh dikategorikan kepada 4 jenis iaitu yang pertamanya ialah vandalisme tidak dapat diterangkan. Vandalisme ini tidak mengumumkan motif dan hanya untuk kegembiraan persendirian dan pemusnahan secara suka. Kedua, vandalisme secara sengaja iaitu merangkumi aktiviti-aktiviti yang diketahui kesalahan mengikut norma masyarakat dan peraturan yang ia biasanya didefinisikan sebagai aktiviti kesalahan dirancang dan sengaja. Seterusnya, vandalisme secara iringan pula bermaksud aktiviti yang tidak dipandang salah tetapi individu tersebut tidak sedar terhadap akibat daripada kelakuannya. Dan akhirnya, vandalism secara mengundi pula merangkumi syarat di bawah kegiatan vandalism menjadi boleh diterima dan bertolak ansur.